

06 SEP 1997

Umno-Najib

KELAB UMNO DI LUAR NEGERI DIMINTA PERLUASKAN AKTIVITI MEREKA

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Kelab-kelab Umno di luar negeri diminta memperluaskan aktiviti mereka kepada yang bukan anggota Umno sebagai usaha memperkembangkan perjuangan parti di kalangan masyarakat Melayu.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau meminta pemimpin kelab berkenaan tidak hanya menjalankan aktiviti yang memberi tumpuan kepada anggota Umno tetapi memperluaskannya berdasarkan bilangan pelajar Malaysia di tempat mereka.

"Saya juga meminta mereka memperkemas pentadbiran kelab-kelab berkenaan," katanya selepas pertemuan dengan pemimpin kelab-kelab Umno di luar negeri di sini.

Tiga puluh anggota Kelab Umno luar negeri dijemput menghadiri Perhimpunan Agung parti yang dirasmikan semalam oleh Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya beliau juga memberi penjelasan pada perjumpaan itu mengenai reformasi pendidikan di negara ini dan dasar negara mewujudkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Ketika ditanya mengenai Bahasa Melayu, sama ada boleh dijadikan bahasa antarabangsa seperti yang dicadangkan oleh seorang perwakilan semasa perbahasan usul agama dan pendidikan, Najib berkata:"Itu untuk jangka panjang."

"Pada peringkat sekarang kerajaan mahu membina bangsa dan untuk membina bangsa, kita kena kuasai ilmu. Bila telah kuasai ilmu, kita boleh kuasai teknologi dan boleh membina tamadun yang berjaya," katanya.

Apabila telah membina tamadun yang berjaya, pada masa itu, tidak payah lagi menyuruh orang mempelajari Bahasa Melayu, katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi ketika menemui wakil-wakil kelab Umno berkenaan meminta mereka membantu Umno memberikan gambaran mengenai peranan cemerlang yang ditunjukkan parti kepada masyarakat di luar negeri.

"Kita mengetahui bahawa pembangkang menggunakan internet untuk memberi gambaran buruk mengenai Umno," katanya.

Beliau turut mahukan mereka bukan sekadar menjadi pemimpin pelajar tetapi juga menjadi pemimpin di universiti tempat mereka belajar.

"Tunjukkan kepada dunia bahawa kita orang Malaysia dan orang Melayu mampu menjadi pemimpin seperti yang ditunjukkan Perdana Menteri yang dikenali dan disegani dunia," katanya.

Ahmad Zahid juga memberi jaminan bahawa pemimpin-pemimpin kelab Umno di luar negeri akan ditawarkan berkhidmat sebagai anggota biro kepada 22 majlis yang telah ditubuhkan di bawah pergerakan Pemuda apabila mereka tamat pengajian dan kembali ke negara ini.

Majlis perjumpaan yang juga dihadiri oleh exco-exco Pemuda itu turut menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh wakil dari kelab-kelab Umno Jordan, Melbourne (Australia), Pakistan, Auckland (New Zealand), Bandung dan Surabaya (Indonesia). -- BERNAMA

NZ RON